

Dr Mahathir jangka Johor dibanjiri warga asing pada masa akan datang
Malaysian Insider
July 8, 2014
OLEH MOHD FARHAN DARWIS

Bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mempersoalkan siapa yang akan memenuhi kawasan pembangunan di Johor Bahru, masyarakat tempatan ataupun rakyat asing memandangkan harga kediaman yang begitu tinggi pada masa kini.

Dr Mahathir berkata, beliau kluatir bakal berlaku insiden seperti Singapura apabila kebanjiran rakyat asing melebihi penduduk tempatan sehingga rakyat asal hilang suara mereka.

"Soalan yang timbul ialah siapa yang akan tinggal dan bekerja dalam puluhan pencakar langit ini. Dari manakah mereka akan datang? Dari Johor Bahru? Dari Malaysia?" soal Dr Mahathir dalam tulisan di blognya, chedet.cc hari ini.

"Bangunan-bangunan ini bukanlah rumah murah. Tentulah bahan yang diguna daripada marmar dan granit. Lif dan escalator memudahkan pelawat naik-turun. Di tingkat atas yang mungkin 30 atau 40 tingkat tingginya, tentulah disedia flat mewah dengan sewa puluh ribuan ringgit sebulan.

"Mungkinkah yang akan isi pejabat mewah ini syarikat dari Majidee atau Gelang Patah? Dan penduduk terdiri daripada orang Melayu Johor Bahru dan kampung-kampung sekitar. Dikluatiri bukan," katanya.

Dr Mahathir turut kluatir, kepesatan Johor Bahru bakal menjadi seperti Singapura.

"Apakah mungkin bandar indah dan mewah yang sedang didirikan tidak akan jadi satu lagi Singapura?"

"Dalam sistem Malaysia, sesiapa yang tinggal di negara ini selama 10 tahun daripada 12 tahun yang lepas berhak mendapat kerakyatan.

"Dan kita tidak pandai menolak permintaan orang. Lihat sahaja apa yang sedang berlaku sekarang," katanya.

Perdana menteri paling lama berkhidmat itu bagaimanapun turut menyindir dengan berkata, meskipun rakyat Malaysia mengalami kesukaran, beliau mengalu-alukan Malaysia berkembang menjadi sebuah negara maju.

"Saya mengalu-alukan transformasi di Johor Bahru seperti saya alu-alukan transformasi di lain-lain tempat.

"Yang penting ialah Malaysia menjadi negara maju walaupun 'ayam di kepok mati kelaparan dan itik di air mati kehausan'." – 8 Julai, 2014.

- See more at:
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-mahathir-jangka-johor-dibanjiri-warga-asing-pada-masa-akan-datang#sthash.130h8yRX.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-mahathir-jangka-johor-dibanjiri-warga-asing-pada-masa-akan-datang>